

Produk yang dihasilkan hanya guna air gulatebu dan air gula melaka

Lambakan madu palsu, sintetik

Oleh MOHD. HAFIZI AHMAD

KUALA LUMPUR – Madu merupakan penawar segala penyakit tetapi percayakah anda kira-kira 80 peratus madu yang dijual di negara ini merupakan madu palsu yang boleh mengundang 1,001 macam penyakit jika diambil secara berpanjangan.



WAN IRYANI

Perkara itu terbukti apabila 14 daripada 15 sampel madu yang dibeli wartawan *Kosmo!* di beberapa lokasi popular menjual madu di negara ini didapati tidak tulen.

Perkara itu terbongkar selepas jumlah sampel itu dihantar untuk dianalisis sebuah makmal swasta di ibu negara baru-baru ini.

Melalui analisis makmal, kesemua 15 sampel madu itu mengandungi *hydroxymethyl fufural* (HMF) terlalu tinggi iaitu mencecah 3,000mg bagi setiap kilogram madu manakala aktiviti enzim kesemua madu berkenaan kurang daripada lapan gothe.

Berdasarkan standard antarabangsa, kadar HMF dalam madu asli perlu kurang daripada 80mg bagi setiap satu kilogram madu manakala nilai aktiviti enzim pula perlu lebih daripada lapan gothe.

Kesemua sampel madu palsu itu dibeli oleh wartawan *Kosmo!* di Simpang Pulai dan Tapah di Perak; Cameron Highlands di Pahang dan Chow Kit di ibu negara. Harga madu yang dibeli

“Dua jenis madu tiruan iaitu madu lebah asli dicampur dengan pemanis air gula tebu dan air gula melaka atau madu dihasilkan secara sintetik menggunakan sirap jagung berfruktosa tinggi

DR. WAN IRYANI WAN ISMAIL

wartawan *Kosmo!* pula sekitar RM10 hingga RM30 sebotol.

Seorang penyelidik madu Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr. Wan Iryani Wan Ismail berkata, kadar HMF yang tinggi dalam sampel madu tersebut berlaku ekoran cecair itu melalui proses pemanasan melebihi suhu 100 darjah Celsius untuk jangka masa panjang.

Menurut beliau, HMF ialah bahan organik yang hadir apabila sesetengah gula terutamanya fruktosa dan glukosa mengalami dehidrasi melalui proses pemanasan seperti memasak atau dibakar.

“Terdapat dua jenis madu tiruan iaitu madu lebah asli yang dicampur dengan bahan pemanis seperti air gula tebu dan air gula melaka atau madu yang dihasilkan secara sintetik sepenuhnya menggunakan sirap jagung berfruktosa tinggi.

“Kedua-dua jenis madu tiruan ini memerlukan proses pemanasan dan penambahan bahan lain. Jika berlakunya proses tersebut,



MADU tiruan dijual secara berleluasa di negara ini ekoran ia mendapat permintaan yang tinggi.



WARTAWAN *Kosmo!* ketika singgah di sebuah gerai tepi jalan di Simpang Pulai, Ipoh untuk membeli madu yang dijual Orang Asli baru-baru ini.

maka kualiti madu itu akan terjejas teruk sehingga kadar HMF boleh meningkat naik manakala jumlah enzim merosot,” kata beliau ketika ditemui *Kosmo!* di sini baru-baru ini.

Wan Iryani memberitahu, secara keseluruhannya 15 sampel madu yang diperolehi *Kosmo!* adalah tidak asli kerana kandu-

ngan HMF yang ditemui terlalu tinggi manakala jumlah aktiviti enzim yang wujud secara semula jadi terlalu rendah.

Bagi madu asli, jelas beliau, kandungan HMF dalam cecair itu boleh meningkat jika ia disimpan dalam tempoh yang lama atau terdedah kepada haba atau cahaya matahari.

INFO

Madu Tiruan, Madu Asli

Madu Tiruan

- Madu tiruan terdiri daripada dua jenis iaitu madu campuran dan madu sintetik
- Madu campuran ialah madu lebah asli yang dicampur dengan pemanis air gula tebu dan air gula melaka untuk menjadikan kuantitinya banyak
- Madu sintetik diperbuat daripada 100 peratus bahan lain seperti sirap jagung berfruktosa tinggi
- Kadar hydroxymethyl fufural (HMF) madu tiruan melebihi 80mg bagi setiap kilogram madu manakala aktiviti enzimnya kurang daripada 8 gothe

Madu Asli

- Merupakan pemanis semula jadi dalam bentuk cecair
- Dihasilkan daripada perut lebah dan disimpan di dalam sarang sehingga matang
- Kandungan sukrosa ketara tidak lebih daripada 10 peratus
- Kandungan HMF mesti kurang daripada 80mg bagi setiap kilogram madu manakala aktiviti enzim mesti melebihi daripada 8 gothe
- Madu asli berkhasiat untuk merawat kanser dan penghadaman perut

“Namun, berdasarkan kajian saya sendiri, saya mendapati kandungan HMF dalam madu lebah asli tetap terkawal dan tidak melebihi 80mg/kg walaupun disimpan dalam tempoh yang lama atau terdedah secara langsung kepada haba,” ujarnya.

Selain itu, Wan Iryani berkata, kajian dibuatnya juga mendapati 80 peratus madu yang dijual di pasaran negara ini merupakan madu tiruan ekoran permintaan yang tinggi bagi produk itu.